

Calon BN: Pendekatan Najib Lebih Sistematis Dan Teratur - Penganalisis Politik Bernama
16 April, 2013

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Proses penyerahan surat tauliah calon Barisan Nasional (BN) hingga kepada proses pengumuman calonnya yang dirancang pelaksanaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak adalah sistematik dan teratur, kata beberapa penganalisis politik.

Mereka berpendapat Najib dapat menyelesaikan perkara berbangkit berhubung pengagihan kerusi untuk semua parti-parti komponen BN dengan mengutamakan calon yang boleh memberi kemenangan.

Pendekatan yang digunakan oleh Pengerusi BN itu dilihat sebagai strategi 'uruskan satu demi satu' dan tidak seperti pembangkang yang riuh sekampung mengumumkan calon utama atau ingin bertanding di mana-mana kawasan panas.

Mereka melihat pakatan pembangkang tidak sehaluan apabila kesemua pemimpinnya membuat satu demi satu pengumuman calon dan kerusi yang mahu ditandingi dalam keadaan yang tidak terurus.

Pemerhati dan penganalisis politik, Datuk Dr Zainal Kling berkata Najib mudah berbincang dan membuat keputusan bersama-sama kepimpinan parti komponen dan pengerusi BN negeri yang menunjukkan kesepakatan mereka.

"Tidak seperti pakatan pembangkang di mana mereka dilihat tidak dapat menyelesaikan banyak perkara dan bertelagah mengenai kawasan yang mahu ditandingi.

"Bayangkan jika hal ini pun tidak mampu diselesaikan, bagaimana mereka boleh memimpin negara? Kecoh, kacau bilau kita dibuatnya," katanya.

Semalam, Najib menyerahkan surat tauliah calon BN kepada pemimpin parti komponen dan pengerusi BN negeri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk membolehkan mereka mengumumkan calon-calon mereka hari ini.

Najib yang juga Pengerusi BN Selangor turut mengumumkan calon-calon BN negeri di Pejabat Perhubungan Umno Selangor.

Prof Emeritus Datuk Dr Sulaiman Md Yassin dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata proses pengumuman calon itu adalah satu lagi amalan demokrasi yang diterapkan dalam parti.

"Langkah ini menunjukkan calon-calon di peringkat negeri menyedari dan boleh memahami bahawa Pengerusi BN negeri telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan perkara itu supaya berjalan lancar dan teratur.

"Mereka (calon) tidak boleh melangkaui ke laluan atau peringkat tertinggi parti jika ada masalah. Sebaliknya mereka perlu ke saluran yang sesuai. Ini dinamakan disiplin dan BN amat menekankan aspek tersebut dalam setiap calon mereka," katanya.

Menurutnya proses yang diamalkan BN dan ditransformasikan oleh Najib ini wajar dipuji kerana menitikberatkan ketelitian dan mengambil kira pelbagai aspek kesetiaan dan bersatu

kepada parti.

Mengulas pengumuman calon yang dibuat presiden atau pemimpin parti komponen BN, Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Fuad Mat Jali berkata langkah itu melambangkan satu lagi kesepakatan dalam komponen BN.

"Meletakkan calon itu penting. Ia memerlukan kerjasama supaya lebih praktikal dan jelas dalam proses itu yang walaupun tradisional tetapi ia sistematik.

"Ini kelak tidak wujud pertindihan kuasa, kerusi atau dua hingga tiga penjuror seperti yang dialami pembangkang ketika ini.

"Kita perlu tahu, rakyat dan pengundi menilai tindak-tanduk parti ketika perjalanan proses ini dan parti mana yang lebih tersusun, mantap dan teratur pastinya akan dipilih mereka," katanya.

Hari penamaan calon ditetapkan Sabtu ini diikuti pengundian pada 5 Mei.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tempoh berkempen selama 15 hari berbanding 13 hari pada pilihan raya umum lepas.

Seramai 13,268,002 orang rakyat Malaysia layak mengundi kali ini berdasarkan daftar pemilih yang diwartakan 11 April lepas.

Pilihan raya umum kali ini membabitkan 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942510>